

KENYATAAN MEDIA

28 FEBRUARI 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Nafi Terlibat Kutipan Tabung Kebajikan

Putrajaya, 28 Februari – Suruhanjaya Tenaga (ST) mengambil maklum bahawa terdapat pihak yang menggunakan nama ST bagi membuat kutipan bagi tabung kebajikan. Kutipan ini dilakukan dengan mengedarkan surat memohon sumbangan dengan menggunakan nama ST dan Pengerusi ST.

ST ingin menegaskan bahawa ST atau Pengerusi ST sama sekali tidak terlibat dengan kutipan ini, dan aktiviti pihak tidak bertanggungjawab ini adalah amat dikesali. Sehubungan itu, ST meminta agar pihak yang dihubungi tidak terpedaya dengan permohonan sumbangan sedemikian.

Laporan polis telah dibuat berhubung perkara ini dan ST menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang terlibat. ST juga ingin memohon kerjasama pihak yang berkaitan agar memaklumkan kepada ST sekiranya mereka telah dihubungi untuk perkara seperti ini, dan membuat laporan polis jika telah memberi sumbangan kepada pihak tidak bertanggungjawab tersebut dengan segera.

Untuk sebarang pertanyaan atau aduan, pengguna boleh menghubungi talian bebas tol ST iaitu 1-800-2222-78 atau talian 03-8870 8500, atau layari laman web ST di www.st.gov.my.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/+6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.